



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

4 Disember 2025

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Taklimat Perolehan Kerajaan dan Pentadbiran Kontrak oleh Kementerian Kewangan (MOF).
2. Tatacara perolehan kerajaan adalah penting bagi memastikan perbelanjaan awam dilaksanakan secara cekap, telus, dan bertanggungjawab. Oleh itu, satu taklimat berhubung Perolehan Kerajaan Dan Pentadbiran Kontrak oleh MOF kepada PAC telah diadakan pada 4 Ogos 2025 memandangkan masih terdapat banyak isu berhubung dengan perolehan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025.
3. PAC menggesa Kerajaan terutamanya MOF, untuk meneruskan usaha dalam menangani isu-isu yang timbul bagi memperkukuh integriti sistem perolehan negara termasuk sentiasa mengemaskini tatacara perolehan Kerajaan dan mengukuhkan tadbir urus perolehan kerajaan.
4. RUU Perolehan Kerajaan 2025 yang telah diluluskan oleh Parlimen hendaklah dilaksanakan sepenuhnya apabila ia berkuatkuasa bagi memperkukuhkan sistem perolehan Kerajaan.
5. Orang awam boleh membaca setiap keterangan dan penemuan penyata ini dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

RUMUSAN PENEMUAN PAC TERHADAP ISU YANG DISIASAT PADA TAHUN 2025

6. PAC Parlimen ke-15 telah mengadakan sejumlah 147 mesyuarat bagi tahun 2025. Manakala jumlah penyata yang dibentangkan adalah sebanyak 17 penyata.
7. Secara keseluruhan, PAC Parlimen Malaysia mengambil perhatian yang amat serius terhadap penemuan kritikal yang dibangkitkan sepanjang prosiding dan laporan PAC pada tahun 2025. Penemuan ini mendedahkan wujudnya kelemahan sistemik dalam pengurusan kewangan awam yang melibatkan perolehan, pelaksanaan projek, pengurusan hasil, dan prestasi syarikat milik kerajaan (GLC/GLIC).
8. Kelemahan-kelemahan ini bukan sekadar isu pentadbiran, tetapi mempunyai implikasi yang besar terhadap komitmen fiskal jangka panjang kerajaan dan, yang paling penting, menjejaskan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan menguruskan setiap sen wang awam secara berhemah dan telus.
9. PAC mendapati corak ketidakpatuhan dan ketidakcekapan yang berulang, membangkitkan kebimbangan serius mengenai risiko ketirisan, pembaziran, dan beban kewangan yang sepatutnya tidak perlu ditanggung oleh rakyat.
10. PAC mengenalpasti lima (5) kelemahan sistemik yang membimbangkan dan berpotensi mencetuskan risiko fiskal besar serta menjejaskan keyakinan rakyat iaitu:
 - i) PAC mendapati wujudnya amalan penggunaan sistem dan perkhidmatan awam tanpa kontrak rasmi dimuktamadkan. Situasi ini bukan sahaja meningkatkan risiko ketirisan dana, malah menghilangkan ketelusan dalam membuat keputusan kerajaan.

- ii) Projek berimpak tinggi didapati diluluskan tanpa kajian kos-manfaat yang menyeluruh, meletakkan beban kewangan tidak wajar ke atas kerajaan dan pengguna.
 - iii) Kelewatan dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan projek penting, menyebabkan pembaziran dana awam dan kegagalan penyampaian perkhidmatan.
 - iv) PAC telah menyuarakan kebimbangan terhadap skala besar Akaun Belum Terima (ABT) hasil negara yang masih tertunggak. Kegagalan mengutip tunggakan ini secara langsung menjejaskan pendapatan negara.
 - v) PAC juga mendapati terdapat kelemahan pengurusan dalam syarikat GLC/ GLIC menyebabkan syarikat milik kerajaan gagal memberikan pulangan sepadan dengan dana awam yang dilaburkan, yang meningkatkan risiko kewangan.
11. PAC menegaskan, kelemahan ini bukan sekadar isu teknikal, tetapi merupakan ancaman langsung kepada kestabilan kewangan jangka panjang negara.
12. Walau bagaimanapun, PAC menyambut baik dan mengambil maklum terhadap tindakan susulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kementerian dan agensi berhubung syor-syor yang dibangkitkan sebelum ini. Namun demikian, PAC ingin menegaskan bahawa usaha pembaikan ini mesti dilaksanakan secara konsisten dan berterusan.

SARANAN PAC

13. Sejajar dengan penemuan yang membimbangkan ini, PAC dengan tegas menuntut dan menggariskan saranan kritikal berikut yang hendaklah dilaksanakan secara konsisten oleh semua pihak berkepentingan iaitu:

- i. **Mengukuhkan Pematuhan Proses Perolehan Kerajaan:** PAC menuntut agar setiap kontrak dimuktamadkan sebelum sebarang pelaksanaan projek atau penggunaan sistem. Ini penting bagi meningkatkan standard dokumentasi, pengauditan awal, dan penilaian risiko perolehan, seterusnya memperkukuh disiplin kerja dan menghapuskan amalan ketidakcekapan yang berpunca daripada kelonggaran tadbir urus.
- ii. **Mewajibkan Analisis Kos-Manfaat Menyeluruh untuk Projek Berskala Besar:** PAC menegaskan bahawa setiap projek infrastruktur berskala besar hendaklah menilai impak jangka panjang terhadap fiskal negara dan kemampuan rakyat atau pengguna. Penilaian ini perlu melibatkan aspek teknikal, kewangan, tadbir urus, dan keberhasilan projek secara holistik bagi menjamin keputusan yang terbaik.
- iii. **Mempertingkatkan Mekanisme Pemantauan Projek Berisiko Tinggi:** PAC menggesa supaya setiap projek berisiko tinggi diaudit secara berkala semasa pelaksanaan, dan bukan hanya selepas berlaku kegagalan, di samping menambah baik penyelarasan antara kementerian, agensi pelaksana, dan pihak berkepentingan bagi mengelakkan kelewatan yang membawa kepada kos tambahan dan pembaziran.
- iv. **Tingkatkan Keberkesanan Pengurusan Hasil Negara:** PAC menggesa agar keutamaan segera diberikan untuk memperkukuh sistem kutipan hasil, tindakan penguatkuasaan, dan mekanisme penyelesaian tunggakan hasil (ABT), demi meningkatkan keberkesanan pengurusan hasil negara secara menyeluruh.
- v. **Melaksanakan Semakan Menyeluruh ke atas GLC/GLIC:** Kerajaan digesa menilai semula prestasi syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC/GLIC) yang menunjukkan prestasi lemah, termasuk kemungkinan penstrukturan atau penyusunan semula tadbir urus. Fokus utama mesti diberikan kepada peningkatan pulangan terhadap pelaburan yang menggunakan dana awam.

KOMITMEN PAC – MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DEMI RAKYAT

14. PAC menegaskan bahawa peranan PAC adalah untuk memperbaiki sistem secara keseluruhan, dan bukannya bertujuan untuk menyalahkan mana-mana pihak. Keutamaan PAC adalah memastikan keberkesanan tadbir urus dan integriti penggunaan wang rakyat sentiasa berada pada tahap tertinggi.
15. Oleh itu, PAC menegaskan komitmen untuk meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan, dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:
 - i. Melaksanakan prosiding susulan secara berkala terhadap kementerian atau agensi yang dikenal pasti mempunyai kelemahan signifikan.
 - ii. Meminta taklimat khusus ke atas isu kritikal yang menyumbang kepada kebocoran hasil, pembaziran, dan peningkatan risiko fiskal negara.
 - iii. Mengemukakan syor yang berkesan dan berfokus kepada penambahbaikan secara kekal, bukan sekadar jalan penyelesaian sementara.
16. PAC yakin bahawa pelaksanaan syor-syor ini secara konsisten dan tegas akan membantu mengurangkan risiko ketirisan, meningkatkan nilai untuk wang (*value for money*), serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengurusan kewangan negara.
17. Akhir sekali, PAC akan terus komited menjalankan mandatnya sebagai badan semak imbang Parlimen demi memperkukuh integriti dan kebertanggungjawaban kerajaan kepada rakyat.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen